

Headline	Seri Paduka sering luang masa dekati rakyat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	32	ArticleSize	694 cm ²
AdValue	RM 23,831	PR Value	RM 71,493



Seri Paduka sering luang masa dekati rakyat

» *Baginda catat sejarah tersendiri dua kali dilantik Yang di-Pertuan Agong*

Oleh Siti Nurazlinee Azmi

Yang di-Pertuan Agong Ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, yang dilahirkan pada 28 November 1927 di Istana Anak Bukit, Alor Setar adalah Sultan Kedah Ke-27 sejak 1958 hingga kini.

Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Titiang Gajah sebelum menyambung pelajaran ke Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, seterusnya melanjutkan pengajian di Wadham College, Oxford, London pada tahun 1952 dalam jurusan Sains Kemasyarakatan dan Pentadbiran Awam, sebelum kembali ke tanah air selepas menamatkan pengajian pada 1955.

Baginda dilantik sebagai Raja Muda Kedah sewaktu di United Kingdom pada 6 Ogos 1949 dan menaiki takhta pada 14 Julai 1958 berikutan kemangkatan ayahanda baginda, Almarhum Sultan Badlishah dan ditabalkan secara rasmi sebagai Sultan Kedah pada 20 Februari 1959.

Dikurniakan 3 puteri

Tuanku Abdul Halim bertemu jodoh dengan Almarhumah Tuanku Hajah Bahiyah Tuanku Abdul Rahman pada 10 Mac 1956 di Istana Menanti, Negeri Sembilan dan dikurniakan tiga puteri.

Baginda kemudian berkahwin dengan Tuanku Hajah Hamimah pada 25 Disember 1975.

Tuanku Abdul Halim dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong antara September 1965 dan September 1970, kemu-

dian dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 1970 untuk tempoh lima tahun.

Baginda adalah Yang di-Pertuan Agong kedua termuda iaitu berusia 44 tahun yang pernah dilantik selepas Tuanku Syed Putra, Raja Perlis yang dilantik ketika berusia 40 tahun.

Seri Paduka sekali lagi dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong untuk kali kedua pada Disember 2006 hingga Disember 2011 dan mencatat sejarah selepas dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua selepas pertama kali ditabalkan 42 tahun lalu.

Dekat dengan rakyat

Menyoroti sifat baginda, Seri Paduka seorang raja yang amat dekat dengan rakyat jelata dan sentiasa mencemar duli untuk berdampingan dengan mereka.

Baginda sentiasa mengambil peluang untuk turun padang bagi mendekati rakyat.

Justeru, baginda mempunyai hubungan akrab dengan rakyat jelata atau dengan kata lain berjiwa rakyat kerana terserlah dalam tindakan baginda menangani permasalahan hal ehwal kemasyarakatan dan keagamaan.

Baginda sememangnya terkenal dengan sifat sebagai seorang Raja yang amat berhemah tinggi, pertuturannya lembut dan bersopan santun kerana sejak dari kecil, baginda dididik dengan nilai pekerti dan tingkah laku berasaskan ajaran agama dan ilmu

keduniaan yang luas.

Baginda amat mengambil perhatian dalam hal ehwal agama dan juga kepada rakyat jelata yang menyentuh bidang kuasa baginda sendiri.

Keprihatinan baginda jelas terbukti sewaktu menjalankan kewajipan baginda sebagai Sultan Kedah. Baginda berangkat setiap hari ke pejabat baginda di Wisma Darul Aman, Alor Setar.

Demikian juga di Istana Negara, amalan itu tidak ditinggalkan malah baginda akan memperuntukkan lebih banyak masa di pejabat baginda di Istana Negara.

Cintakan bidang pendidikan

Seri Paduka juga seorang raja yang amat cintakan bidang pendidikan, setiap tahun bersama Raja Permaisuri Agong berangkat menghadiri pelbagai aktiviti pada peringkat sekolah, maktab dan universiti.

Seri Paduka juga adalah Canselor bagi Universiti Teknologi MARA, Universiti Utara Malaysia, Universiti Pertahanan Malaysia dan Kolej Universiti Insaniah Kedah.

Seri Paduka turut meminati sukan golf sebagai aktiviti riadah dan sukan bola sepak, malah sentiasa memberi perhatian dalam perkembangan pasukan bola sepak negara dan Kedah.

Selain aktif berpersatuan, baginda juga amat mencintai alam semula jadi dan sentiasa memberi perhatian terhadap pemuliharaan flora dan fauna selain minatnya memelihara haiwan seperti burung, kuda dan rusa di

Headline	Seri Paduka sering luang masa dekati rakyat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	32	ArticleSize	694 cm ²
AdValue	RM 23,831	PR Value	RM 71,493

Istana Anak Bukit, sememangnya diketahui umum.

Selain sibuk dengan pentadbiran negara dan kerja amal, baginda bijak memperuntukkan sebahagian masa untuk beriadah, rekreasi dan bersukan, baginda juga mempunyai minat terhadap sukan golf.

Dalam sukan bola sepak, baginda turut memberi perhatian serius terhadap perkembangan pasukan bola sepak negara khususnya Kedah dan sentiasa memberi perangsang dan menyuntik semangat bagi menjulang nama Kedah dalam arena bola sepak

negara.

Walaupun baginda gemar bersukan, baginda turut mempunyai hobi yang lain iaitu membaca pelbagai buku ilmiah, melancong dan seni fotografi.

Seri Paduka turut mencipta sejarah tersendiri apabila baginda dapat menyambut Perayaan Jubli Perak sempena ulang tahun pemerintahannya yang ke-25 pada tahun 1983, manakala pada Julai tahun 2008, Seri Paduka menyambut Perayaan Jubli Emas sempena ulang tahun pemerintahan yang ke-50.

“
Tuanku Abdul Halim seorang raja yang amat dekat dengan rakyat jelata dan sentiasa mencemarduli untuk berdampingan dengan mereka. Baginda sentiasa mengambil peluang untuk turun padang bagi mendekati rakyat. Justeru, Tuanku Abdul Halim mempunyai hubungan akrab dengan rakyat jelata atau dengan kata lain berjiwa rakyat”



Tuanku Abdul Halim bersalam dengan penduduk tempatan, Ahmad Ghazali selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Rafeah, Taman Uda, Alor Setar. [FOTO LIM POH CHIN /BH]